



BERNAMA

GURU SK Taman Kota Jaya, Shariful Anam Arshad mengeringkan kitab-kitab agama miliknya yang basah akibat banjir di Kota Tinggi semalam.



BANDAR Kota Tinggi masih ditenggelami banjir dan aktiviti hariannya dilaporkan masih lumpuh semalam.

Kuantiti bersamaan dua bulan setengah hujan

Banjir besar beri pengajaran – MB

Oleh HAMDAN OTHMAN *Kosmo 30/12*
berita.kosmo.com.my

AYER HITAM – Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman menyifatkan banjir besar yang melanda Johor telah memberi banyak pengajaran kepada kerajaan negeri.

Katanya, tiga perkara utama dilihatnya sebagai pengajaran utama yang perlu diberikan perhatian pada masa akan datang.

“Pertama, bila berlaku bencana banjir besar seperti ini kita akan pastikan semua mangsa dipindahkan segera ke tempat yang lebih selesa seperti sekolah bukan balai raya yang kemudahannya agak terhad.

“Kedua, kita akan minta agar sebarang pencawang elektrik yang kini dibina di kawasan rendah dipindahkan atau dibina semula di tempat yang tinggi bagi memastikan bekalan elektrik tidak terputus.

“Ketiganya ialah membina sebuah lagi empangan di Sungai Muar bagi menampung limpahan air yang banyak. Empangan Bekok dan Sembrong yang sedia ada di negeri ini tidak cukup untuk tampung limpahan air,” katanya ketika ditemui *KOSMO!* di sini semalam.

Ghani berkampung di sini sejak 19 Disember lalu bagi memudahkannya melawat tempat-tempat terjejas dan sesekali pulang ke Johor Bahru jika ada

urusan penting.

Beliau menyifatkan hujan lebat di Johor sebagai luar biasa.

“Kuantitinya banyak, paling teruk pada 18 Disember lalu. Jika ikut sukatan ia menyamai hujan selama dua bulan setengah. Ini menjejaskan lapan daerah di Johor,” ujarnya.

Mengenai dakwaan mangsa di pusat pemindahan tidak cukup layanan, Ghani tidak menafikan ia timbul di peringkat awal tetapi segera diatasi.

Katanya, oleh kerana hujan luar biasa dan air naik mendadak, keadaan pada mulanya agak kelam-kabut menyebabkan jentera bantuan ‘terkejut’ sebentar.

“Selepas ini kita akan lebih bersedia,” katanya lagi.